

### 1. Peneroka haram di Cameron Highlands cuba rasuah penguat kuasa - SPRM

KUALA LUMPUR: Operasi 'Ops Sejuk' yang dijalankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Cameron Highlands sejak enam bulan lepas mendedahkan aktiviti penerokaan tanah secara haram di tanah tinggi itu masih berleluasa.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Mohd Shukri Abdull, berkata operasi itu yang dijalankan dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara mendapati beberapa pengusaha kebun cuba menyogok penguat kuasa bagi melindungi kegiatan salah mereka.

"Ini termasuk penerokaan tanah secara haram, melanggar syarat Lesen Pendudukan Sementara, melindungi pendatang asing tanpa izin (PATI) dan menyimpan racun tidak berjadual," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Berikut itu, beliau berkata seramai 21 pekebun sayur berusia antara 20 hingga 68 tahun ditahan serentak dalam operasi itu sejak semalam di beberapa lokasi di Cameron Highlands.

Tangkapan melibatkan perlakuan rasuah yang dilakukan di Ringlet (sembilan orang), Tanah Rata (satu), Tringkap (dua), Brinchang (satu), Kampung Raja (enam), Kuala Terlah (satu) dan Kampar (satu).

Mohd Shukri berkata, sebanyak 16 orang ditahan di premis masing-masing manakala lima orang menyerah diri di Pejabat SPRM Perak termasuk dua orang pagi ini.

Beliau berkata, seorang warga Bangladesh berusia 42 tahun yang turut ditahan dipercayai telah menetap di negara ini selama 10 tahun dan mempunyai kepentingan dalam sebuah syarikat di Cameron Highlands yang bernilai RM500,000 dan sebuah kereta Toyota Camry baharu.

"Pekebun-pekebun sayur yang aktif di kawasan seluas lebih 41 hektar itu didapati membayar rasuah sehingga RM30,000," katanya menambah bahawa mereka yang ditahan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009.

Mohd Shukri berkata, semua yang ditahan telah dilepaskan dengan jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin.

Mengulas lanjut, Mohd Shukri menegaskan bahawa SPRM dalam perkara ini hanya menjalankan siasatan dari segi kesalahan rasuah manakala isu penerokaan haram dan PATI adalah di bawah bidang kuasa agensi-agensi lain yang berkaitan.

"Isu ini telah lama sejak tahun lalu dan tindakan lebih tegas perlu diambil pihak penguatkuasa berwajib dan tidak dibiarkan begitu sahaja. Ini termasuk tindakan penguatkuasaan berkaitan Akta Racun dan PATI," katanya.

Mohd Shukri berkata, SPRM sedia berkongsi maklumat dengan agensi lain bagi memastikan permasalahan yang berlaku dapat diatasi sehingga ke akar umbi.



Sabtu, 4 Julai 2015

## 2. Pasukan petugas khas siasat dakwaan penyaluran dana 1MDB - Peguam Negara

KUALA LUMPUR: Sebuah pasukan petugas khas dianggotai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia dan Bank Negara Malaysia, sudah pun memulakan siasatan berhubung dakwaan penyaluran dana berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) ke akaun Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Perkara itu dimaklumkan Peguam Negara, Tan Sri Abdul Ghani Patail yang mengesahkan beliau sudah pun menerima dokumen berkaitan 1MDB termasuk dakwaan penyaluran dana ke akaun milik Najib daripada pasukan penyiasat itu.

"Pasukan ini telah memperoleh beberapa dokumen yang kemudiannya dikemukakan kepada saya untuk semakan.

"Saya sudah meneliti dan menyemak kesemua dokumen dikemukakan, dan seterusnya sudah memberi nasihat dan panduan kepada Pasukan Petugas Khas ini bagi mengambil tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan petang ini.

Abdul Ghani berkata, pasukan petugas khas itu sudah menghantar pasukan siasatan ke syarikat SRC International Sdn Bhd, Gandingan Mentari Sdn Bhd dan Ihsan Perdana Sdn Bhd untuk mengadakan serbuan dan sudah memperoleh dokumen dari ketiga-tiga premis terbabit.

"Susulan semakan dan analisis yang dibuat ke atas dokumen-dokumen yang diperoleh hasil serbuan itu, saya juga sudah memberi nasihat dan panduan susulan kepada pasukan petugas khas.

"Siasatan akan memfokus setiap aspek yang dibangkitkan. Saya yakin keanggotaan pelbagai agensi akan membolehkan siasatan dijalankan dengan lebih profesional dan terperinci," katanya.

Beliau juga berharap semua pihak memberi kerjasama bagi membolehkan pasukan petugas khas ini menjalankan siasatan dan tidak mengeluarkan kenyataan yang boleh mengelirukan orang ramai.

Khamis, 9 Julai 2015

### 3. MARA umum penambahbaikan Skim Mara Bank

KUALA LUMPUR: MARA mengumumkan empat penambahbaikan bagi Skim Mara Bank (Skim 3) yang dilancarkan pada 1 Julai lalu.

Pengerusi MARA, Tan Sri Annuar Musa berkata ini bagi memenuhi permohonan pinjaman yang semakin meningkat dan membolehkan lebih ramai pelajar Bumiputera mendapat kemudahan itu.



PENGERUSI MARA, Tan Sri Annuar Musa. - Foto BERNAMA

"Pertama, mengurangkan bayaran balik peminjam kepada bank dengan membayar sebanyak dua peratus kos pengurusan daripada jumlah pinjaman, manakala baki pinjaman akan dibiaya oleh Mara secara percuma," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita dalam sidang media berkaitan 'MARA Smart Partnership with Financial Institutions' di sini, semalam.

Annuar berkata ia berbeza dengan sebelum ini di mana bayaran keuntungan (faedah bank) dibiayai oleh MARA dan pelajar kemudiannya perlu membuat bayaran pinjaman sepenuhnya secara berjadual selepas tamat tempoh pengajian.

"Melalui penambahbaikan ini peminjam juga boleh membayar balik dalam tempoh maksimum selama 20 tahun iaitu pada lima tahun pertama, bayaran boleh dibuat pada kadar paling minimum mengikut kemampuan mereka," katanya.

Annuar berkata penambahbaikan kedua adalah khusus bagi pelajar yang mendapat kelas pertama dengan (CGPA 3.75 ke atas) di mana 90 peratus daripada pembiayaan mereka akan dijelaskan oleh MARA iaitu pertukaran pinjaman kepada bentuk biasiswa.

Katanya yang ketiga ialah skim yang sebelum ini terbuka kepada peringkat Lepasan Ijazah kini diperluaskan kepada semua peringkat pengajian iaitu bermula di peringkat Diploma, Program Sarjana Muda, Sarjana, Master dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di dalam dan luar negara.

Manakala yang ke empat Annuar berkata bagi pelajar yang memohon skim ini untuk pengajian luar negara dan tidak melepassi kelayakan yang ditetapkan iaitu keupayaan membayar balik pinjaman serta penjamin yang layak akan dibayai melalui skim khas MARA.

Pemohon yang berminat perlu membuat permohonan melalui MARA secara dalam talian dan maklumat lanjut boleh didapati di laman web MARA.



Khamis, 9 Julai 2015

#### 4. BNBBC Perak gesa pihak bocor maklumat sulit siasatan didakwa

IPOH: Kelab Penyokong Kerajaan Barisan Nasional (BNBBC) Perak menggesa pihak berkuasa segera mencari dan mendakwa individu yang membocorkan maklumat sulit berkaitan siasatan seperti didekahkan oleh Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail.



*PENGERUSI Kelab Penyokong Kerajaan Barisan Nasional (BNBBC) Perak, Datuk Mohd Khusairi Abdul Talib. - Foto PMO*

Pengerusinya, Datuk Mohd Khusairi Abdul Talib berkata, semua agensi yang terbabit dengan siasatan, iaitu Bank Negara Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu segera menjelaki dan membawa individu yang tidak bertanggungjawab itu ke muka pengadilan supaya tindakan tegas boleh dikenakan mengikut undang-undang negara.

"Kelab BNBBC Perak menyokong penuh kenyataan Peguam Negara dan menggesa supaya tindakan segera diambil oleh ketiga-tiga agensi terbabit bagi menjaga integriti siasatan yang sedang dijalankan.

"Perbuatan membocorkan maklumat seumpama itu amat serius, tambahan lagi ia disalurkan kepada pihak luar negara, khususnya Wall Street Journal (WSJ) dan Sarawak Report yang berpangkalan di London, dengan niat mahu menjatuhkan sebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya berlandaskan sistem demokrasi," katanya dalam satu kenyataannya di sini sebentar tadi.

Mohd Khusairi berkata,

Individu yang membocorkan maklumat berkenaan boleh dianggap sebagai dalang dan pengkhianat kerana terbabit dalam satu konspirasi di peringkat antarabangsa untuk merancapkan kerajaan sebuah negara dan juga mensabotaj siasatan yang sedang dijalankan.

"Pepatah yang paling tepat adalah 'harapkan pegar, pegar makan padi' kerana individu berkenaan berkemungkinan besar turut terbabit dalam pasukan petugas khas siasatan yang dibentuk," katanya.

Semalam, Abdul Gani dilaporkan berkata dokumen yang didedahkan dalam artikel dalam WSJ bertajuk, 'Malaysia Orders Freeze of Accounts Tied to Probe of Alleged Transfers to Prime Minister Najib' bertarikh 7 Julai 2015 merupakan hal perkara suatu siasatan dan menekankan kepentingan menjaga integriti siasatan itu agar tidak timbul kemusyikilan di kalangan orang awam.

Beliau tidak akan teragak-agak mendakwa mana-mana individu yang membocorkan maklumat siasatan.

Menurutnya, membocorkan maklumat sulit yang berkaitan siasatan adalah merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Seksyen 133 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Seksyen 145 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk mana-mana individu yang mempunyai akses pada dokumen siasatan atau maklumat berhubung hal ehwal akaun mana-mana pelanggan.

Beliau juga berkata, adalah menjadi suatu kesalahan jenayah di bawah Seksyen 203 A Kanun Keseksaan untuk mana-mana individu menzahirkan sebarang maklumat atau perkara yang telah diperolehnya semasa melaksanakan tugas.

## 5. PAC mahu 1MDB serah penyata bank kepada Audit Negara

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mendorong 1Malaysia Development Bhd (1MDB) menyerahkan beberapa dokumen termasuk penyata bank kepada Jabatan Audit Negara bagi membantu siasatan.

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, dokumen itu penting bagi memuktamadkan laporan Jabatan Audit Negara.

"PAC meminta 1MDB menyerahkan semua dokumen penting itu kepada Jabatan Audit Negara. Tolong beri kerjasama dan beri segala dokumen yang diperlukan oleh Jabatan Audit Negara bagi memuktamadkan laporan.

"Sekiranya 1MDB tidak memberikan kerjasama, kita menyerahkan kepada Kementerian Kewangan untuk tindakan lanjut," katanya.

Nur Jazlan menyatakan Jabatan Audit turut memberi tumpuan empat fokus komponen sepanjang siasatan.

Katanya, empat fokus komponen itu jumlah jaminan dan perbelanjaan; aset kumpulan 1MDB; penyata dana dan kajian terhadap penyata kewangan 2010 hingga 2014.

"Jabatan Audit mengambil masa tiga bulan sejak 10 Mac hingga 15 Jun lalu untuk siasatan peringkat awal ini.

"Bagi melengkap laporan, Jabatan Audit telah menemubual Ahli Lembaga Pengarah 1MDB yang lama dan baharu, bekas Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan tertinggi 1MDB," katanya.

Nur Jazlan berkata, secara keseluruhannya PAC berpuas hati dengan hasil kerja Jabatan Audit terhadap laporan itu bagaimanapun masih menunggu beberapa dokumen penting bagi melengkapkan laporan penuh siasatan yang dijangka siap hujung tahun ini.



KETUA Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang (kanan) berbual bersama Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Datuk Nur Jazlan Mohamed (kiri) selepas menyerahkan buku laporan awal audit ke atas 1MDB di Parlimen, Kuala Lumpur hari ini.



Ahad, 12 Julai 2015

#### 6. Siasatan PAC tidak bertindih dengan PPK - Nur Jazlan

JOHOR BAHRU: Siasatan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berkaitan dakwaan terhadap 1Malaysia Development Bhd (1MDB) tidak bertindih dengan siasatan Pasukan Petugas Khas (PPK), kata Pengerusi PAC, Datuk Nur Jazlan Mohamed.

Sebaliknya, beliau berkata siasatan oleh PAC lebih kepada urus tadbir 1MDB manakala PPK melihat kepada 'money trail' (pergerakan kewangan) akaun syarikat itu.

"Kita sebenarnya bekerjasama, malah PAC sentiasa memberi sokongan kepada pasukan petugas khas untuk membantu kerja kita juga.

"Dan jika perlu apabila Pasukan Petugas Khas ini sudah selesai menjalankan siasatan, mungkin mereka dijemput ke PAC untuk memberi penjelasan mengenai kerja mereka," kata beliau ketika mengulas mengenai sama ada akan berlaku pertindihan siasatan antara dua badan itu.

Nur Jazlan berkata demikian selepas Majlis Penyerahan Zakat kepada asnaf di PPR Taman Kempas Permai, di sini.

Ditanya mengenai harapannya terhadap PPK, beliau berharap pasukan itu dapat menjalankan siasatan dengan adil tanpa dipengaruhi mana-mana pihak.

"Sekali gus dapat memberikan jawapan kepada rakyat untuk menangkis tohmahan dan tuduhan dibuat oleh The Wall Street Journal," katanya.

PPK itu terdiri daripada Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail; Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz; Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar; dan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Tan Sri Abu Kassim Mohamed.

Nur Jazlan berkata, PAC komited menjalankan tanggungjawab dengan memanggil ketua pegawai eksekutif (CEO) dan bekas CEO serta pengarah dan bekas pengarah syarikat itu untuk hadir bagi memberi keterangan.

"Ini juga akan memberikan gambaran lebih lanjut mengenai urus tadbir di 1MDB," katanya.

Beliau juga melahirkan terima kasih kepada Ketua Audit Negara yang telah memberikan taklimat yang baik dan banyak maklumat, serta peluang bagi PAC untuk bertanya lebih lanjut pada masa akan datang.



Isnin, 20 Julai 2015

#### 7. 90 peratus laporan Sarawak Report mengenai 1MDB rekaan pembangkang

KUALA LUMPUR: Hampir 90 peratus kandungan laporan Sarawak Report mengenai 1Malaysia Development Berhad (1MDB) didakwa diubah suai oleh pembangkang untuk memburukkan kerajaan dan menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Pendedahan itu dibuat bekas pengarang Sarawak Tribune, Lester Melanyi, menerusi video bahagian keduanya yang turut diperoleh BH, hari ini.

Dalam video itu, Melanyi juga mengakui menemui bekas pengarah PetroSaudi International, Xavier Andre Justo, yang menyerahkan 10 peratus dokumen berkaitan 1MDB kepada pengasas Sarawak Report, Clare Rewcastle-Brown.

"Saya bertemu Justo di London dua atau tiga kali pada tahun 2012 dan 2013. Saya percaya bekas eksekutif PetroSaudi itu tidak mengubah sebarang dokumen yang didakwa dicuri daripada bekas majikannya.

"Justo menemui Clare dan menyerahkan hanya 10 peratus dokumen diperolehnya. Baki 90 peratus lagi direka pembangkang. Dia (Justo) tidak mengusiknya. Pereka laman web di London memang mahir.

"Jika anda berhasrat menghasilkan wang, ia boleh dilakukan dan kelihatan tulen," katanya dalam video berkenaan.

Dalam video berdurasi 6.02 minit itu juga, beliau menamakan seorang pereka laman web mahir berpangkalan di London, yang didakwanya diupah Clare bagi mengubah dan mereka e-mel serta perjanjian palsu sehingga kelihatan tulen.

Menerusi video sama, Melanyi turut menunjukkan beberapa contoh artikel palsu Sarawak Report, yang pernah disiarkan sebelum ini.

Presiden Pertubuhan Minda dan Sosial Prihatin, Ramesh Rao Krishnan ketika dihubungi BH, berkata lebih banyak pendedahan akan dibuat menerusi video pengakuan Melanyi, bahagian ketiga dan keempat, minggu depan.

"Justeru, saya meminta kerajaan Malaysia bekerjasama dengan Polis Antarabangsa (INTERPOL) untuk menyiasat dan menahan pereka laman web berusia lewat 20-an itu sebab dia masih bebas melakukan aktiviti pemalsuan di London.

"Kerajaan juga perlu menasihatkan kerajaan Switzerland supaya menghentikan penajaan terhadap Sarawak Report, yang didapati sudah terpesong daripada tujuan asal penubuhannya iaitu memfokuskan isu alam sekitar," katanya.

Ramesh berkata, dalam video seterusnya ada disebut nama beberapa orang yang berpengaruh, termasuk bekas pemimpin negara.

"Banyak lagi isu lain yang ada dalam bahagian ketiga dan keempat. Video penuh sudah diserahkan kepada polis, bagaimanapun kami akan keluarkannya secara berperingkat," katanya.

Sementara itu, Melanyi yang dihubungi BH, semalam, tetap mempertahankan pendedahannya sebelum ini mengenai komplot terancang portal berita berkenaan untuk menjatuhkan Najib.

Melanyi berkata, pendedahan beliau adalah bersandarkan kebenaran dan keengganannya bersekongkol dalam komplot itu yang didalangi pemilik dan pengendali portal berkenaan.

"Ia satu kebenaran dan bukannya pembohongan...saya tetap mempertahankan pendedahan saya, malah sudah membuktikannya melalui komunikasi e-mel saya dengan Brown," katanya.

Berikutnya pendedahan itu, Brown membuat kenyataan di London, bahawa beliau tidak mengenali Melanyi secara peribadi.

Melanyi pernah berkhidmat dengan Radio Free Sarawak (RFS) yang turut dimiliki Sarawak Report.



Selasa, 21 Julai 2015

### 8. The Edge serah bahan bukti kepada Bank Negara

KUALA LUMPUR: The Edge Media Group menyerahkan dokumen, e-mel bercetak dan cakera keras yang dimilikinya mengenai isu 1Malaysia Development Bhd (1MDB) kepada Bank Negara.

Penerbit dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Ho Kay Tat, berkata bahan itu diserahkan, semalam.

"Hari ini, satu set (dokumen) yang serupa diserahkan kepada Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (CCID) Polis.

"Saya juga beri kenyataan kepada CCID," katanya dalam satu kenyataan, di sini.

Dalam kenyataan itu, beliau berkata: "Kami rasa selesa bila pelbagai badan penyiasat, Ketua Audit Negara, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Bank Negara, Polis, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (MACC) dan Peguam Negara telah memberikan komitmen mereka untuk mendedahkan kebenaran tanpa bimbang atau pilih kasih."

"Sesungguhnya, tanggungjawab dan tugas mereka kepada rakyat Malaysia semata-mata untuk melakukan itu. sebagaimana tugas kami mencari berita."

The Edge semalam menerbitkan artikel empat halaman mendakwa bahawa 1MDB dan rakan usaha samanya, PetroSaudi International, telah menipu Malaysia berbilion ringgit.

Dalam maklum balasnya, 1MDB menyelar The Edge Financial Daily berhubung laporan itu dengan mengatakan bahawa ia "sudah lapuk, tidak berasas dan dikitar semula."



Selasa, 21 Julai 2015

### 9. Dana RM600j tingkat penggunaan teknologi dalam perniagaan - MTDC

KUALA LUMPUR: Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), kini mengurus dana berjumlah RM600 juta bagi membantu meningkatkan penggunaan teknologi dalam kalangan perniagaan Malaysia.

Ketika negara menuju Wawasan 2020, Ketua Pegawai Eksekutif MTDC, Datuk Norhalim Yunus, berkata antara komponen utama ialah mewujudkan lebih banyak syarikat berteknologi tinggi dan melahirkan lebih ramai pekerja berpengetahuan dan pendapatan tinggi.

Beliau berkata, MTDC sudah berkembang dan berinovasi, daripada modal teroka kepada usaha membantu syarikat yang memerlukan dana untuk melabur, selain membantu syarikat teknologi dalam pelbagai peringkat pertumbuhan, daripada syarikat mula beroperasi, perkembangan dan syarikat yang melebarkan sayap ke luar negara.

"Kami memberi peluang kepada syarikat untuk mengakses pelbagai kedudukan yang berbeza, jenis yang berlainan serta gabungan pembiayaan yang berbeza juga merupakan satu inovasi," katanya.

Norhalim berkata, MTDC kini menguruskan lima dana - Dana Pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) (CRDF), dana Pengambilalihan Teknologi (TAF), Dana syarikat Perniagaan Baharu (BSF), Dana Pertumbuhan Perniagaan (BGF) dan Dana Pengembangan Bumiputera (BEF).

CRDF dan TAF diberikan dalam bentuk geran, kepada syarikat yang mahu mengkomersialkan R&D tempatan dari universiti dan institusi penyelidikan selain untuk memudahkan perolehan teknologi asing untuk digabungkan dalam aktiviti pembuatan.

"Dana selebihnya adalah dalam bentuk 'quasi-equity', dengan MTDC memiliki beberapa saham keutamaan boleh tebus dalam syarikat-syarikat pelaburannya, yang secara umum sebanyak 30 peratus, dan boleh ditebus apabila syarikat mahu berbuat demikian," katanya.

CRDF dan TAF adalah dari MOSTI manakala BGF dan BSF daripada Kementerian Kewangan dan BEF daripada Unit Pemandu Agenda Bumiputra (TERAJU) kerajaan.

Ia disediakan dan diperuntukkan setiap dua tahun memandangkan ia adalah berasaskan pelan pelaksanaan, katanya.

Bagi 2015, MTDC masih mempunyai peruntukan sebanyak RM206.8 juta untuk disalurkan melalui lima dana, kata Norhalim, sambil menambah bahawa RM23.04 juta telah dikeluarkan kepada 11 syarikat setakat ini, dan masih terdapat baki RM183.76 juta untuk diluluskan.

Bagi meningkatkan lagi penggunaan teknologi dalam kalangan syarikat kecil dan sederhana, selain menyediakan dana, agensi itu mewujudkan jabatan perkhidmatan tambah nilai bagi membantu syarikat membangunkan perniagaan, pemasaran dan pengumpulan dana jika syarikat memerlukan lebih daripada yang telah disediakan oleh MTDC, katanya.

MTDC juga mempunyai beberapa inkubator dengan kerjasama lima universiti iaitu UTM-MTDC, UPM-MTDC, UKM-MTDC, FRIM-MTDC dan UiTM-MTDC, untuk meningkatkan aktiviti pembangunan teknologi, katanya.

### 10. Memahami amanah digalas penjawat awam

Perlembagaan menyediakan skop kepada perkhidmatan awam. Dalam Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan ada dinyatakan perkhidmatan yang dikategorikan sebagai perkhidmatan awam. Ada negara di dunia yang menggariskan secara umum peranan dan tanggungjawab penjawat awam dalam Perlembagaan mereka.

Bagaimanapun, Perlembagaan kita tidak menggariskan secara terperinci mengenai peranan dan tanggungjawab penjawat awam. Apa yang dinyatakan dalam Perlembagaan bahawa penjawat awam adalah berkhidmat selama mana diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Sementara itu, Perlembagaan juga menyediakan perlindungan tertentu kepada penjawat awam. Dengan tiadanya peruntukan khusus, secara umumnya peranan dan tanggungjawab penjawat awam ini di negara kita ini difahami menerusi kaedah atau peraturan berkaitan perkhidmatan awam ini.

Peraturan itu pada umumnya disandarkan kepada amalan atau konvensyen dalam pentadbiran bercorak demokrasi. Secara umumnya, ada tiga fungsi utama penjawat awam dalam sistem pentadbiran yang berdasarkan sistem demokrasi.

Tiga fungsi utama itu ialah menasihati kerajaan mengenai pilihan yang ada dalam menentukan dasar kementerian atau agensi kerajaan, melaksanakan keputusan kepada dasar yang diputuskan oleh kerajaan dan melaksanakan fungsi umum jentera pentadbiran kerajaan. Dengan itu, hubungan antara menteri dan penjawat awam dapat dilihat dalam sistem pentadbiran kita yang mana penjawat awam adalah pelaksana kepada semua keputusan dan dasar kementerian yang dibuat oleh menteri.

#### Peranan, tanggungjawab

Dalam sistem pentadbiran negara kita, kuasa eksekutif Raja atau Yang di-Pertuan Agong dilaksanakan oleh menteri melalui kementerian. Dalam menjalankan tanggungjawab mereka, menteri disokong dengan perkhidmatan awam.

Menteri seterusnya bertanggungjawab kepada Parlimen, yang mana menteri secara individu dan juga secara kolektif bertanggungjawab kepada Dewan Rakyat untuk segala dasar, program dan aktiviti Kerajaan.

Penjawat awam berkewajipan untuk memberi sokongan dan kesetiaan secara profesional dan tidak berat sebelah kepada setiap kerajaan yang memerintah. Dengan kewajipan itu, penjawat awam adalah bertanggungjawab untuk memberikan nasihat dan maklumat yang tepat kepada menteri.

Penjawat awam adalah juga bertanggungjawab untuk menjalankan dengan setia, setiap arahan yang diberikan menteri. Dengan berbuat demikian, penjawat awam sebenarnya berkhidmat kepada rakyat. Penjawat awam adalah bertanggungjawab kepada ketua mereka dan akhirnya kepada menteri bagi pelaksanaan tanggungjawab yang betul dan cekap.

Menteri seterusnya bertanggungjawab kepada rakyat melalui wakil rakyat, iaitu Parlimen. Sistem kerajaan kita ialah sistem kerajaan bertanggungjawab kerana kerajaan mestilah mengekalkan keyakinan atau kepercayaan Dewan Rakyat kerana menteri bertanggungjawab kepada Dewan atas segala perbuatan atau pelaksanaan kuasa mereka.

Menteri yang membuat keputusan dasar, penjawat awam melaksana keputusan dan dasar dan seterusnya menteri bertanggungjawab atas segala pelaksanaan keputusan dan dasar kepada Parlimen, yang juga mewakili rakyat.

#### Penentu masa depan kerajaan

Oleh itu, tanggungjawab untuk menyediakan maklumat kepada Parlimen adalah terletak pada menteri. Penjawat awam pula tidak mempunyai tanggungjawab Perlembagaan kepada Parlimen dan tidak pula berkongsi tanggungjawab kepada Parlimen yang digalas oleh menteri. Walaupun begitu, penjawat awam hendaklah menyokong menteri dalam hubungan mereka dengan Parlimen dengan membekal maklumat berkaitan untuk dibentang kepada menteri.

Sekiranya berlaku ketirisan dalam pentadbiran atau pelaksanaan dasar dalam mana-mana kementerian atau agensi kerajaan, maka secara politiknya, menteri hendaklah mengambil tanggungjawab walaupun ketirisan itu sebenarnya berpuncu daripada kelemahan dalam pelaksanaan kepada dasar berkenaan. Disebabkan tanggungjawabnya kepada rakyat, menteri berkaitan tidak boleh menuing jari kepada penjawat awam. Segala-galanya hendaklah ditanggung oleh menteri secara individu atau kolektif dengan jemaah menteri.

Oleh itu, pelaksanaan tanggungjawab oleh penjawat awam juga adalah antara faktor yang menentukan panjang atau pendek jangka hayat sebuah kerajaan yang dipilih rakyat. Disebabkan sektor perkhidmatan awam adalah sektor yang dekat dengan rakyat, maka prestasi kerajaan, kejayaan atau kegagalan kerajaan adalah juga dinilai menerusi penyampaian atau pelaksanaan oleh penjawat awam.

Dari sini jelaslah bahawa amanah yang digalas penjawat awam amat besar. Pada penjawat awam bergantungnya kejayaan atau kegagalan sesuatu dasar atau keputusan yang dibuat oleh menteri, jemaah menteri atau kerajaan. Di atas bahu penjawat awam jugalah terletaknya masa depan kerajaan yang dipilih rakyat.



Rabu, 22 Julai 2015

### **11. Polis Singapura bekukan dua akaun berkaitan 1MDB**

SINGAPURA: Polis Singapura membekukan dua akaun bank sebagai sebahagian daripada siasatan berkaitan syarikat pembangunan strategik 1Malaysia Development Bhd (1MDB), yang kini turut disiasat pihak berkuasa Malaysia.

"Pada 15 Julai, kami mengeluarkan arahan di bawah Kanun Tatacara Jenayah untuk menghalang sebarang urusan berkaitan wang dalam dua akaun berkenaan yang kini dalam siasatan," kata polis Singapura dalam satu kenyataan hari ini.

Polis bagaimanapun tidak menamakan bank atau akaun berkenaan kerana masih dalam siasatan.

The Wall Street Journal (WSJ) baru-baru ini melaporkan siasatan pihak berkuasa terhadap 1MDB menjelaskan dana sebanyak AS\$700 juta didepositkan dalam akaun peribadi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Reuters bagaimanapun tidak dapat mengesahkan laporan WSJ itu.

Najib sudah menafikan tuduhan itu dan menjelaskan dakwaan itu sebahagian kempen jahat untuk menjatuhkan Perdana Menteri. 1MDB juga nafi pindahkan dana kepada Najib



Isnin, 27 Julai 2015

### **12. 1MDB: Muhyiddin tiada halangan laporan interim diumumkan**

KUALA LUMPUR: Tan Sri Muhyiddin Yassin menegaskan, beliau tiada halangan jika laporan interim berhubung 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dijadikan dokumen awam, bagi merungkai kekeliruan dalam kalangan rakyat.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tujuannya bagi membolehkan segala persepsi dan khabar angin dalam kalangan rakyat berhubung itu itu terjawab, sekali gus mengembalikan semula keyakinan rakyat kepada Barisan Nasional (BN) dan UMNO.

Beliau berkata, penubuhan pasukan khas siasatan adalah sesuatu yang dipersetujui dengan siasatan dilakukan tanpa sebarang gangguan.

"Jika mahu jadikan laporan interim 1MDB dijadikan dokumen awam, saya tiada halangan. Eloklah disegerakan.

"Ada benda yang boleh dipertahankan, maka kita pertahankan sekiranya ia di landasan yang benar, tetapi jika ia sebaliknya, kita tidak akan pertahankan. Rakyat tidak bodoh.

"Saya tiada niat jahat atau berselindung kononnya mahu jatuhkan Perdana Menteri melalui penubuhan pasukan penyiasat. Apa yang saya lakukan adalah kerana mahu memastikan UMNO terus kukuh mendapat kepercayaan rakyat dan ahli," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian penutup mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Cheras 2015 di sini malam tadi. Yang turut hadir Ketua UMNO Bahagian Cheras, Datuk Seri Syed Ali Alhabshee.

Muhyiddin yang juga Timbalan Presiden UMNO, berkata masalah yang dihadapi ketika ini tidak akan timbul sekiranya 1MDB tidak wujud dan sekarang ia menjadi beban semua pihak.

Katanya, beliau tidak mempunyai sebarang niat untuk mewujudkan sebarang pertembungan dengan Datuk Seri Najib Razak kerana parti tidak kuat dan ramai pihak mahukan UMNO kecundang.

"Saya bercakap benda yang benar, saya tidak takut kedudukan tergugat kerana apabila ada isu serius yang memerlukan pembetulan, saya tidak boleh tipu maka saya kena cakap benda yang benar.

"Apabila saya nasihat, maka itu adalah hak seseorang untuk ikut nasihat terbabit atau tidak, kerana jika tidak ikut, mungkin seseorang itu rasa itu tidak penting," katanya.

**13. Malaysia tidak akan meterai TPPA di Hawaii - Mustapa**

*Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed.*

KUALA LUMPUR: Malaysia tidak akan memeterai Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) di mesyuarat menteri-menteri di Hawaii bermula 28-31 Julai, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Mustapa yang mengetuai pasukan perunding Malaysia terdiri daripada lebih 20 kementerian dan agensi, berkata: "Permeteraian TPPA tidak akan berlaku di Hawaii."

Dalam satu kenyataan hari ini beliau berkata, seperti Malaysia, setiap anggota TPPA perlu melalui proses domestiknya sendiri sebelum keputusan akhir untuk memeterai dan mengesahkan perjanjian dibuat.

"Sebagai menteri yang bertanggungjawab bagi rundingan TPPA, menjadi tanggungjawab saya untuk memastikan perlombagaan, kedaulatan dan dasar teras negara kita, termasuk kepentingan masyarakat Bumiputera, dilindungi dan dipertahankan.

"Objektif kami pada mesyuarat ini adalah untuk memastikan kepentingan dan kebimbangan Malaysia ditangani," katanya.

Beliau berkata selepas lima tahun, rundingan TPPA bakal dimuktamadkan dan pada tahap ini negara-negara perlu membuat keputusan yang sukar.

"Seperti dalam semua rundingan, keputusan muktamad perlu dibuat," katanya.

Beliau berkata, kerajaan mengambil pendirian tegas dalam TPPA, yang mana perlombagaan, keadilan dan dasar-dasar negara seperti pemerolehan kerajaan, perusahaan milik negara dan agenda Bumiputera akan dilindungi.

"Saya menyeru rakyat Malaysia agar berfikiran terbuka tentang TPPA. Memahami bahawa walaupun terdapat kos, namun terdapat juga manfaatnya kepada negara," katanya.

Mustapa berkata maklum balas daripada semua pihak berkaitan TPPA membantu membimbing dan mempengaruhi pendirian rundingannya bagi pelbagai isu yang dibincangkan.

Beliau berkata, kemudiannya nanti, dokumen akhir bersama dengan dua analisis kos-dan-manfaat akan dibentangkan kepada umum dan Parlimen.

Keputusan sama ada untuk memeterai atau menolak TPPA akan menjadi keputusan bersama rakyat Malaysia, katanya.

Mustapa berkata TPPA tidak menghalang kerajaan daripada meneruskan dan mengawal selia objektif dasar awam yang sah, terutamanya dalam bahagian seperti keselamatan negara, persekitaran sihat awam dan kebijakan rakyat.

Dalam pada itu, terdapat beberapa perlindungan yang sedang dirundingkan bagi menangani keimbangan utama termasuk mengelak cabaran remeh oleh pelabur, katanya.

"Perlu diketahui bahawa mekanisme Penyelesaian Pertikaian Negara Pelabur (ISDS) bukan suatu yang baharu bagi Malaysia.

"Kita telahpun mempunyai 74 perjanjian pelaburan dua hala dan lapan perjanjian perdagangan bebas (FTA) yang mengandungi peruntukan ISDS," katanya.

Mengenai pemerolehan kerajaan, Mustapa berkata, Malaysia melindungi keutamaan Bumiputera dengan memastikan keutamaan perusahaan kecil dan sederhana Bumiputera dikenalkan.

Mengenai kawalan modal, Malaysia berjaya mempertahankan haknya untuk memastikan terdapat ruang dasar mencukupi bagi mengurangi sebarang kesan negatif aliran modal dan memelihara kestabilan kewangan dan makroekonomi, katanya.

Beliau berkata satu lagi keimbangan utama ialah dakwaan bahawa harga ubat-ubatan akan meningkat tinggi akibat daripada perlindungan paten.

Bagaimanapun, pada hakikatnya, klausa perlindungan paten dalam TPPA tidak berbeza daripada peraturan Malaysia sekarang bagi perkara ini, kata Mustapa.

Malaysia mendapati bahawa TPPA menyediakan akses pasaran kepada empat rakan dagangan yang negara tidak mempunyai FTA dengannya - AS, Kanada, Mexico dan Peru, katanya.

Mengenai Islam, Mustapa memberi jaminan bahawa tidak ada apa dalam TPPA yang boleh mengancam kedudukannya sebagai agama rasmi Malaysia dan kerajaan tidak akan membenarkan sebarang FTA yang boleh menjaskankan peruntukan perlembagaan ini.

Mengenai keimbangan umum TPPA dirundingkan 'secara rahsia', beliau berkata: "Dalam rundingan antarabangsa, teks rundingan biasanya tidak dikeluarkan kepada orang awam. Bagaimanapun, semua isu yang dirundingkan dibincang secara terbuka."

Beliau berkata rakyat Malaysia akan mendapat akses kepada teks penuh sekiranya satu persetujuan dicapai.



Rabu, 29 Julai 2015

#### **14. Pelaburan RM3.8 bilion Huchems jadi petunjuk positif pelaburan asing di Malaysia**

BINTULU: Majlis pecah tanah kompleks kimia Huchems Fine Chemical (M) Sdn Bhd bernilai AS\$1 bilion (RM3.8 bilion) di Tanjung Kidurong di sini, memberi petunjuk positif kepada syarikat asing yang mempertimbangkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Azman Mahmud berkata demikian selepas majlis pecah tanah kompleks berkenaan yang dirasmikan Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem.

"Kami berharap pelaburan oleh HuChemis ini akan menjadi pemangkin kepada pelabur asing lain dalam proses membuat keputusan mereka dan melihat Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang baik," katanya.

Menjawab soalan, Azman berkata kira-kira RM20 bilion nilai pelaburan masih dibincangkan MIDA dengan beberapa syarikat dari Korea Selatan, Jepun dan Eropah, dan dijangka memperoleh sebahagian besar daripadanya pada akhir tahun.

Katanya, turun naik ringgit pada masa ini akan memberi sedikit kesan kepada keputusan pelaburan berikutnya ramai pelabur melihat dari segi jangka masa panjang.

Mengenai kompleks kimia Huchems, pemilihan dan pelaksanaan projek itu menjadi bukti kepada tarikan Malaysia yang berterusan, terutamanya bagi syarikat-syarikat multinasional yang mahu mempunyai kedudukan kukuh dalam ekosistem petrokimia dan kimia sedang pesat membangun di rantau ini.

Azman berkata kompleks itu akan siap pada 2019 dan menyediakan kira-kira 400 peluang pekerjaan baharu dalam sektor pekerjaan kemahiran tinggi.

"Ia akan mewujudkan 174 pekerjaan untuk jurutera dan 24 untuk saintis," katanya.

Kompleks itu disasarkan untuk menghasilkan sehingga 600,000 tan amonia, 400,000 tan asid nitrik dan 200,000 tan ammonium nitrat setahun.

Sementara itu, Park Yen Cha, Pengurus Taekwang Group Korea Selatan, syarikat induk Huchems Fine Chemical, berkata MIDA dan dasar kerajaan negeri Sarawak yang baik serta mesra kepada persekitaran perniagaan telah menarik syarikat untuk mendirikan loji itu.

"Ketersediaan bahan mentah di Tanjung Kidurong juga menjadi faktor utama yang diambil kira dalam keputusan pelaburan syarikat," katanya



Rabu, 29 Julai 2015

### **15. Agenda pemerkasaan ekonomi bumiputera akan terus diangkat misi nasional**

KUALA LUMPUR: Agenda pemerkasaan ekonomi bumiputera akan terus diangkat sebagai misi nasional, seiring dengan pelaksanaan pelbagai program oleh kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, kerajaan sentiasa proaktif dalam mengukuhkan kedudukan usahawan bumiputera agar mampu bersaing secara kompetitif di pasaran terbuka dan global.

Pelaksanaan langkah itu katanya, bersandarkan kepada lima teras utama yang sedikit sebanyak telah mula menghasilkan kejayaan.

"Salah satu yang penting ialah pembangunan vendor bumiputera yang terbukti berjaya melahirkan ramai usahawan dari golongan ini.

"Yang menjadi cabaran ialah bagaimana bagaimana kita mahu bentuk supaya program itu bukan sekadar melahirkan usahawan bumiputera tetapi memastikan vendor boleh berdikari dan bersaing dalam pasaran terbuka," katanya semasa berucap di majlis makan malam perdana Persatuan Pengilang dan Industri Perkhidmatan Bumiputera Malaysia (PPIPBM) di sini malam tadi.

### 16. SPRM nafi pegawai kanan terbabit dalam konspirasi

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini menafikan pegawai-pegawai kanan suruhanjaya itu turut terlibat dalam konspirasi menjatuhkan kerajaan seperti yang didakwa beberapa blog.

SPRM, dalam satu kenyataan hari ini, menyifatkan tuduhan dalam blog-blog bahawa pegawai kanan SPRM terlibat dalam konspirasi menjatuhkan kerajaan sebagai tidak benar dan tidak berasas.

Menurut SPRM, tindakan yang diambil oleh pegawai-pegawai kanannya adalah jelas bagi menjalankan tugas sebagai pegawai SPRM dan telah mendapat arahan dan dalam pengetahuan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed.

"Tanggungjawab SPRM adalah menjalankan siasatan berhubung kes-kes rasuah dan bukannya bertujuan untuk menjatuhkan mana-mana pihak termasuk kerajaan," katanya.

SPRM menegaskan sebagai suruhanjaya yang bebas, badan itu bertanggungjawab menjalankan siasatan dengan bebas, telus dan profesional tanpa 'fear or favour' dan tanpa mengira siapa yang terlibat.

"SPRM tidak akan membiarkan mana-mana pihak untuk mempengaruhi atau campur tangan dalam siasatan yang dijalankan," katanya.

SPRM, dalam kenyataan itu, menegaskan bahawa ia tidak terlibat dalam siasatan kes 1MDB sebaliknya hanya menyiasat kes SRC International.

Menurut SPRM, ia adalah keputusan yang dicapai oleh Pasukan Petugas Khas yang dianggotai oleh Bank Negara Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan SPRM, yang menerima panduan dan nasihat perundangan daripada Tan Sri Abdul Gani Patail yang ketika itu adalah Peguam Negara.

SPRM memberi jaminan bahawa siasatan ke atas SRC International akan diteruskan sama ada dengan atau tanpa Pasukan Petugas Khas setelah ketiadaan Abdul Gani, sehingga siasatan lengkap sepenuhnya sebelum dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk kajian dan keputusan.

SPRM memaklumkan bahawa badan itu masih lagi mengesan beberapa saksi penting bagi melengkapkan siasatan SRC International.

"SPRM memohon kepada orang ramai agar memberi ruang kepada SPRM untuk melengkapkan siasatan," katanya.